

PANDANGAN ISLAM TERHADAP WANITA BEKERJA

Oleh
Fatimah bt Ali

Abstract

*This article attempts to look into the opinions of **ulama'** about women or wives who are having a career outside their home. Their opinions are supported by Qur'anic verses, **hadith**, observation and experiments. This article also discusses the legal judgement of **ulama'** on women who work away from their home, the factors which influence this phenomenon and etcetra. Besides, this article forwards the writer's opinion of today working teenage girls and house wives.*

Pendahuluan

Isu wanita bekerja bukanlah merupakan suatu perkara baru dalam dunia hari ini. Sejak manusia dicipta oleh Allah dan mula berkembang biak, wanita sudah pun bekerja di rumah dan di luar rumah. Hanya pada waktu ini istilah pekerja dirujuk kepada mereka yang makan gaji dan memperolehi pendapatan.

Al-Qur'an sendiri telah menjelaskan salah satu daripada fungsi manusia sebagai khalifah Allah s.w.t di atas muka bumi ini ialah memakmurkan bumi Allah dengan bekerja untuk mencari rezeki bagi mendapatkan makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna.

Perkara tersebut dapat difahami daripada maksud firman-firman Allah yang berikut:

1.

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن
فَضْلِ اللَّهِ

"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing, dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah".

al-Jumu'ah (62):10

2.

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ
نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

"Tuntutlah harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, iaitu pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan jangan kamu melupakan kebahagiaan kamu di dunia".

al-Qasas (28):77

3.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا

"Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik".

al-Baqarah (2):168

4.

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ

"Katakanlah (Wahai Muhammad), siapakah yang berani mengharamkan perhiasan Allah yang telah diberikan untuk hamba-hamba-Nya dan demikian juga rezeki-rezeki yang baik lagi halal".

al-A'raf (7):32

Berdasarkan ayat-ayat di atas juga dapat difahami, bekerja adalah salah satu tuntutan Islam ke atas umat manusia. Wanita juga tidak terkeluar daripada tuntutan tersebut.

Perkara tersebut difahami daripada firman Allah di dalam surah al-Nisa (4):32 :

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ
نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ

"Janganlah kamu berharap ingin mendapat limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian daripada kamu; kerana orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan".

Melalui ayat tersebut dapat difahami, setiap insan sama ada lelaki atau wanita berhak untuk berusaha dan mendapat ganjaran yang setimpal daripada apa yang mereka usahakan.

Di samping itu tidak ada sebarang nas yang melarang kaum wanita daripada menuntut ilmu. Mengikut sejarah Islam, ramai ahli Hadis yang terkemuka terdiri daripada kaum wanita.

Prof. Dr. Ahmad Syalaby ada menjelaskan, wanita pada zaman Rasulullah juga terlibat di dalam pekerjaan. Sayyidatina Fatimah, anak perempuan Rasulullah s.a.w umpamanya pernah bekerja menggerakkan alat pengisar dan memikul bekas air, sehingga kelihatan kesan-kesan pada tangan dan tengkuknya.¹

Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid isteri pertama yang paling dikasihi oleh Rasulullah juga adalah seorang saudagar. Beliau terus menjalankan pekerjaannya sehingga beliau meninggal dunia (iaitu sepuluh tahun selepas nabi Muhammad mulai menerima wahyu). Sastera Arab juga ada menyebut, terdapat golongan-golongan wanita yang bekerja membusar kapas dan menenun; kerana kerja-kerja itu boleh mendatangkan sumber kekayaan kepada keluarga.²

'Abd al-Rabb yang menulis mengenai pekerjaan wanita, ada menyimpulkan enam bidang yang diceburi oleh kaum wanita pada zaman Rasulullah. Bidang-bidang tersebut ialah dakwah, keilmuan, urusan rumahtangga, jihad dan peperangan, pertukangan tangan dan urusan kemasyarakatan.³

i. Bidang Dakwah:

Wanita-wanita pada zaman awal Islam, memainkan peranan penting dalam bidang dakwah. Antara mereka ialah Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid isteri Rasulullah s.a.w. Beliau adalah manusia pertama beriman kepada Allah, tampil membuktikan kebenaran Rasulullah serta membelanjakan harta bendanya untuk mempertahankan Rasulullah dan dakwahnya.

¹Syalabi, Ahmad (Prof. Dr), *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*, Singapura, Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 109.

²*Ibid.*

³Al-Din, Abd al-Rabb, *'Amal al-Mar'ah wa Mawqif al-Islam Minh*, Mansurah, Matabi al-Wafa, 1986, h. 151.

Sayyidatina Ruqaiyah, anak perempuan Rasulullah juga adalah antara orang yang paling awal musafir dari Madinah ke Habsyah. Beliau mengetuai sekumpulan wanita Islam. Manakala Sayyidatina Asma' binti Abu Bakr pula, memasak bekalan musafir untuk Rasulullah. Di samping itu kaum wanita pada zaman Rasulullah juga bersumpah setia (mubaya'ah) dengan Rasulullah s.a.w. Mereka juga menziarahi Rasulullah ketika Baginda sedang sakit.⁴

Sumpah setia tersebut dijelaskan oleh Allah di dalam surah al-Mumtahanah (60):12 :

يَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَى أَنْ لَا يُشْرِكْنَ
بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ
بِسُهْتٍ يَفْتَرِيهِنَّ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِيَنَّكَ
فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْهُنَّ وَأَسْتَغْفِرْ لهنَّ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ*

“Wahai nabi, apabila wanita-wanita yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun, mereka tidak akan mencuri, mereka tidak akan berzina, mereka tidak akan melakukan perkara dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonlah kepada Allah mengampuni dosa mereka.”

ii. Bidang Keilmuan:

Wanita-wanita pada zaman awal Islam juga tidak pernah melepaskan peluang dalam bidang keilmuan. Mereka berusaha untuk

⁴*Ibid.*

memahami agama dengan menghadiri majlis-majlis ilmu, sehingga lahir di kalangan mereka para ulama yang terkenal dalam berbagai bidang.

Sayyidatina 'Aisyah, isteri Rasulullah umpamanya, menjadi tempat rujukan para sahabat yang terkenal, untuk bertanya tentang hukum-hakam. Beliau juga terkenal di dalam bidang sastera; di mana beliau banyak menghafal syair, mengarang qasidah dan pandai membaca al-Qur'an. Beliau juga terkenal sebagai seorang pemimpin wanita.

iii. Bidang Urusan Rumahtangga:

Wanita-wanita pada zaman awal Islam juga adalah suri rumahtangga. Mereka merupakan ikutan atau teladan yang baik kepada suri-suri rumah yang datang kemudian. Mereka seolah-olah tuan kepada lelaki-lelaki yang dipilih oleh Allah untuk menjadi pejuang-pejuang hidayah dan perdamaian bagi negeri-negeri yang diterokai mereka untuk membawa kesejahteraan, keamanan dan kesenangan.

Cerita yang dipetik oleh Abd al-Rabb, menggambarkan wanita-wanita pada masa Rasulullah, melakukan kerja-kerja rumah dengan tangan mereka sendiri, termasuk mengisar tepung, membakar roti dan sebagainya.⁵

iv. Bidang Jihad dan Peperangan

Zaman Rasulullah adalah zaman jihad dan peperangan untuk menyebarkan agama Allah ke seluruh pelusok bumi. Jadi tidak hairanlah wujudnya wanita-wanita yang menonjol dalam bidang ini.

Tetapi apa yang perlu dinyatakan di sini ialah, berperang bukanlah menjadi kewajipan wanita sebagaimana wajibnya kaum lelaki, kecuali pada waktu-waktu kekurangan tenaga lelaki yang memerlukan mereka mengambil bahagian sama.

⁵*Ibid*, h. 154-155.

Nabi Muhammad s.a.w sendiri pernah menjelaskan jihad wanita ialah ibadat haji. Baginda menjelaskan perkara tersebut di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidatina 'Aisyah r.a. di mana beliau pernah meminta izin untuk berjihad, lalu nabi Muhammad s.a.w bersabda yang bermaksud:

Jihad kamu (para wanita) ialah haji".

Walau bagaimanapun Rasulullah sendiri biasanya membawa sebahagian daripada isterinya di dalam peperangan. Wanita-wanita Islam yang lain juga turut keluar, bukan untuk berperang, tetapi untuk menyediakan makanan, merawat orang-orang yang luka dan yang sakit.⁶

v. Bidang Perdagangan dan Pertukangan Tangan

Di dalam buku-buku sejarah ada disebut tentang Sayyidah Khadijah isteri Rasulullah yang sentiasa menjalankan perniagaannya. Beliau mengutus kafilah-kafilah atau rombongan-rombongan perdagangan yang terdiri daripada lelaki, diupah untuk menjalankan urusan perniagaannya.

'Abd al-Rabb ada menyebut kisah Sayidatina Khadijah mengupah nabi Muhammad menjalankan perniagaannya. Beliau menceritakan setelah Sayyidatina Khadijah mengetahui tentang peribadi nabi Muhammad yang disebut-sebut sebagai seorang yang benar percakapannya, besar amanahnya dan mulia akhlaknya, lalu beliau menghantar utusan untuk menawarkan pekerjaan kepada nabi Muhammad, iaitu membawa hartanya berniaga ke Syam. Rasulullah menerima tawaran tersebut dan pergi ke Syam bersama khadam lelaki Sayyidatina Khadijah, iaitu Maisarah.

Mengenai pertukangan tangan 'Abd al-Rabb juga ada memetik cerita yang disebut oleh Sayidatina 'Aisyah mengenai para isteri Nabi Muhammad s.a.w.

⁶*Ibid*, h. 157-158.

Sayyidatina 'Aisyah menceritakan, beberapa orang isteri nabi Muhammad s.a.w bertanya kepada nabi, tentang siapakah daripada kalangan mereka yang paling cepat menghubungi atau mengikut jejak langkah Nabi. Lalu Nabi memberitahu mereka, orang yang paling cepat mengikut Nabi ialah yang paling panjang tangannya.⁷

Sayyidatina 'Aisyah menceritakan, berikutan kenyataan tersebut, para isteri nabi Muhammad berkumpul di rumah salah seorang daripada mereka selepas kewafatan nabi. Mereka menghulurkan tangan ke dinding, berlumba-lumba memanjangkan tangan. Mereka sering sahaja melakukan perbuatan tersebut, sehingga Sayyidatina Zainab bint Jahsy meninggal dunia. Beliau adalah seorang perempuan yang berbadan rendah. Beliau bukanlah yang paling panjang tangannya daripada kalangan mereka.

Ketika itu baharulah mereka faham maksud panjang tangan yang disebut oleh nabi ialah bersedekah; kerana Sayyidatina Zainab adalah seorang yang mahir di dalam pertukangan tangan. Beliau menyamak dan menjahit kulit binatang, kemudian beliau sedekahkannya pada jalan Allah.⁸

vi. Bidang Sosial

Masyarakat yang dibentuk oleh Rasulullah s.a.w adalah sebuah masyarakat yang hidup saling membantu dan berkasih sayang antara satu sama lain. Setiap individunya lebih mengutamakan individu yang lain di dalam segala urusan.

Kaum wanitanya juga melakukan berbagai aktiviti di dalam bidang sosial, termasuk melakukan kerja-kerja meminang untuk perkahwinan, menziarahi pesakit, menyusukan anak-anak orang tawanan dan lain-lain lagi.

⁷*Ibid*, h. 160-161.

⁸*Ibid*, h. 161-162.

Di dalam urusan peminangan 'Abd al-Rabb memetik cerita yang disebut oleh para penulis sejarah, iaitu apa yang dilakukan oleh Khaulah bint Hakim al-Sulamiyyah, isteri kepada 'Usman ibn Maz'un.

Khaulah datang berjumpa nabi s.a.w sambil menyatakan pendapatnya tentang kesunyian nabi dengan ketiadaan atau kewafatan isterinya Sayyidatina Khadijah. Nabi memberitahunya, memang Sayyidatina Khadijah adalah ibu kepada anak-anak dan suri rumah. Khaulah menawarkan khidmatnya bagi meminang seorang perempuan untuk nabi. Nabi memberikan persetujuannya sambil menyatakan, kaum perempuanlah yang lebih sesuai untuk melakukan kerja seperti itu.

Maka Khaulah meminang Sayyidatina Saudah binti Zam'ah dan Sayyidatina 'Aisyah bint Abi Bakr untuk nabi. Lalu nabi mengahwini mereka berdua.⁹

Inilah antara bidang-bidang pekerjaan yang diceburi oleh wanita-wanita pada zaman awal Islam. Ia meliputi pekerjaan-pekerjaan dalam dan luar rumah.

Daripada keterangan-keterangan di atas jelas, pada zaman permulaan Islam, wanita telah ikut sama di dalam membangunkan negara Islam dalam erti kata yang lebih luas.

Penglibatan wanita di dalam pembangunan masyarakat berterusan hingga sekarang. Malah pada hari ini penglibatan wanita semakin meluas dan menyeluruh, berikutan terbuka luasnya peluang pelajaran dan pekerjaan untuk mereka.

Wanita seolah-olah telah menyaingi lelaki dalam berbagai jawatan dan bidang pekerjaan, sehingga hampir seluruh sektor pekerjaan diterokai sama oleh wanita. Hingga sekarang ramai juga di kalangan mereka yang

⁹*Ibid.*

telah menjadi usahawan yang berjaya atau berjawatan penting; malah ramai yang kaya raya, bergaji lumayan dan sebagainya.

Namun demikian, setinggi mana pangkat dan kedudukan mereka di mata masyarakat sekalipun, wanita tidak dapat lari daripada tugas asal mereka sebagai wanita Islam, terutama bagi wanita yang telah berumahtangga dan beranak pinak. Mereka adalah hamba Allah, isteri, ibu dan pekerja. Kadang-kadang mereka tersepit di dalam dilema; antara:

- i. Mahu meneruskan pekerjaan dan merasa bersalah kerana tidak dapat menyempurnakan kewajipan terhadap keluarga.
- ii. Berhenti kerja dan merasa rugi kerana ilmu yang dipelajari tidak dapat dimanfaatkan.
- iii. Berhenti kerja dan bimbang masa depan keluarga.

Oleh itu suatu kajian perlu dibuat untuk melihat bagaimanakah corak penglibatan wanita di dalam pekerjaan, yang tidak bercanggah dengan kehendak Islam.

Pendapat Ulama' Mengenai Keharusan Wanita Bekerja

Tulisan-tulisan mengenai pekerjaan wanita mengikut pandangan Islam menunjukkan, para ulama' tidak sependapat, sama ada Islam membenarkan wanita bekerja di luar rumah (untuk memperolehi pendapatan) atau tidak.

a. Wanita Boleh Bekerja Di Luar Rumah

Keterangan-keterangan yang menunjukkan, pada zaman awal Islam, wanita telah ikut sama dalam pembangunan negara Islam, sudah cukup untuk menjadi alasan bagi pendapat yang mengatakan bahawa pada prinsipnya, Islam juga mengharuskan wanita turut melibatkan diri dalam usaha membangunkan negara. Wanita juga adalah sebahagian daripada warganegara. Jadi Islam telah membenarkan mereka menceburkan diri dalam berbagai bidang pekerjaan.

Walau bagaimanapun kelainan wanita berbanding dengan lelaki daripada segi fizikal dan emosinya menjadikan fungsi asasinya juga berlainan.

Wanita yang dijadikan lebih lemah daripada segi fizikalnya, tetapi kaya dengan sifat-sifat tertentu seperti sabar, lemah lembut, kasih sayang, sensitif dan kasihan belas, diberi tugas melayani suami, mengandung, melahirkan, menyusui dan mendidik anak-anak. Manakala lelaki yang pada umumnya dijadikan lebih kuat dari segi fizikal dan akalunya,¹⁰ diberi tugas sebagai ketua dalam rumahtangga dan pelindung kepada keluarga.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Allah di dalam surah al-Nisa' (4) ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ
عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap perempuan, oleh kerana Allah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) ke atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan sebahagian daripada harta mereka".

Golongan yang berpendapat, Islam tidak melarang wanita bekerja di luar rumah, cuba memahami syarat-syarat yang membolehkan wanita bekerja, jika mereka dapat memenuhinya. Syarat-syarat tersebut difahami berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis mengenai wanita serta tugas-tugas asasi mereka yang telah ditetapkan oleh Islam.

¹⁰Lelaki dikatakan lebih kuat akalunya berbanding dengan perempuan; kerana saksi seorang perempuan sama dengan separuh saksi lelaki.

b. Syarat-syarat Wanita Bekerja

‘Abd al-Rabb Nawwab al-Din menjelaskan, Islam mengenakan beberapa syarat untuk memastikan tugas-tugas asasi wanita tidak diabaikan. Antara syarat-syarat tersebut ialah:

1. Menutup aurat (al-hijab). Syarat ini difahami daripada beberapa potong ayat-ayat al-Qur’an, iaitu:

i.

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَزْوَاجِكُمْ وَبَنَاتِكُمْ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ
عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابٍ عَذِيبٍ ذَلِكُمْ أَدْنَىٰ أَنْ يَعْرِفْنَ فَلَا يُؤْذِينَ

“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar). Cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik), maka mereka tidak diganggu”.

al-Ahzab (33):59

ii.

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ
وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ
عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka, kecuali yang zahir daripadanya. Dan

hendaklah mereka menutup belahan baju mereka dengan tudung kepala mereka”.

al-Nur (24):31

Di dalam ayat tersebut, Allah melarang wanita memperlihatkan perhiasan mereka kepada lelaki asing (bukan suami atau lelaki yang haram nikah dengan mereka), melainkan bahagian-bahagian yang dikecualikan.

Mengikut al-Qurtubi, para ulama tidak sependapat tentang bahagian-bahagian yang dikecualikan itu seperti berikut:

- a. Pakaian yang zahir. Ini adalah pendapat Ibn Mas‘ud. Kemudian Ibn Jubair menambah, termasuk muka.
- b. Muka, dua tapak tangan dan pakaian. Ini adalah pendapat Said Ibn Jubair, ‘Ata’ dan al-Auza‘i.
- c. Celak mata, gelang, inai, tapak tangan dan cincin. Ini adalah pendapat Ibn Abbas, Qatadah dan al-Miswar ibn al-Makhzumah.¹¹

2. Aman daripada fitnah,¹² ‘Abd al-Rabb menjelaskan, syarat tersebut berdasarkan alasan, semua yang ada pada wanita adalah aurat.¹³

3. Mendapat keizinan wali atau suami bagi wanita yang telah berkahwin. Syarat tersebut berpandukan kepada firman Allah, di dalam surah al-Nisa’ (4):34 :

¹¹Al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, *Tafsir al-Qurtubi al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, Jld. 6, Dar al-Sya‘b, t.t., h. 4619-4620.

¹²Fitnah maksudnya ujian, atau menarik perhatian lelaki (Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Juz. 5, Dar al-Maarif, t.t., h. 3344).

¹³Nawab al-Din, Abd al-Rabb, *op.cit.*, h. 116.

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan".

juga firman Allah dalam surah al-Tahrim (66):6 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

"Wahai orang yang beriman peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka".

Ayat tersebut menunjukkan, suami berhak untuk tidak membenarkan isterinya keluar rumah, jika dia tidak berpuashati dengan keselamatan isterinya.

4. Waktunya tidak dihabiskan untuk bekerja dan pekerjaannya tidak bercanggah dengan tabiat semulajadi. Mengikut 'Abd al-Rabb Nawwab al-Din, syarat tersebut berdasarkan, tugas asasi wanita ialah tugas rumahtangga. Ibu-ibu yang telah menggunakan banyak masanya atau tenaganya untuk pekerjaan luar, tidak mampu lagi melaksanakan tugas asasinya.

5. Pekerjaannya tidak mengatasi kaum lelaki. Alasan kepada syarat ini mengikut 'Abd al-Rabb ialah, wanita tidak boleh menjadi pemimpin tertinggi dalam masyarakat, berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud, sesuatu kaum yang melantik wanita menjadi pemimpin tertinggi mereka, tidak akan beroleh kemenangan selama-lamanya.¹⁴

Tetapi pada pendapat penulis, syarat terakhir ini boleh dipertikaikan; kerana hadis tersebut dilafazkan oleh Rasulullah, ketika mendengar khabar

¹⁴Nawab ,al-Din, Abd al-Rabb, *op.cit.*, h. 116-122.

orang Parsi telah melantik puteri Kisra menjadi raja.¹⁵ Jadi hadis tersebut tidak boleh dijadikan alasan dalam soal pekerjaan selama pekerjaan tersebut bukan merupakan jawatan tertinggi dalam pemerintahan negara.

Penulis beranggapan bahawa pendapat inilah yang diikuti oleh kebanyakan masyarakat Islam hari ini. Mereka membuka laluan untuk wanita keluar bekerja, dengan harapan penduaan peranan wanita (sebagai suri rumah dan pekerja) tidak menjejaskan imej mereka sebagai wanita Islam, malah sebaliknya mereka dapat membina imej tersebut; di samping dapat memainkan peranan yang berkesan di dalam pembangunan rumah tangga dan masyarakat.

Oleh itu wanita Islam yang menyedari peranan tersebut berusaha sedaya upaya untuk memenuhi syarat-syarat seperti yang dijelaskan di atas. Mereka bekerja juga dengan keizinan wali (bagi yang belum berumahtangga) atau suami (bagi yang telah berumahtangga), mereka menutup aurat dan sentiasa mengelakkan diri daripada fitnah; umpamanya mereka tidak bergaul bebas dengan rakan sekerja lelaki. Mereka juga tidak berdua-duaan dengan rakan sekerja tersebut dan tidak melunakkan suara ketika bercakap dengannya. Di samping itu mereka juga berusaha untuk menyempurnakan tugas terhadap keluarga dan rumahtangga.

Ada juga di kalangan mereka yang menyedari hakikat tersebut. Mereka cuba mengambil tahu pendapat agama tentang kedudukan mereka sebagai pekerja wanita Islam, setelah mereka menyedari bahawa hidup di dunia ini singkat dan mereka akan diadili di akhirat.

Namun demikian ramai juga di kalangan wanita Islam yang tidak mengetahui atau tidak menyedari perkara tersebut. Kalau ketika belajar dahulu mereka bebas bergaul dan belajar bersama kaum lelaki, maka ketika bekerja juga mereka keluar bekerja sebagaimana kaum lelaki, malah mereka bersaing dengan kaum lelaki serta tampil untuk menuntut hak yang sama

¹⁵Al-Zuhaili, Muhammad (Dr), *al-Tanzim al-Qada'i fi al-Fiqh al-Islami wa Tatbiqaha*, h. 57.

dengan kaum lelaki, di dalam semua sektor pekerjaan. Soal pengurusan rumahtangga jarang diambil kira; kerana mereka merasakan ia adalah tanggungjawab bersama antara suami isteri. Mereka tidak berusaha mengurus rumahtangga dengan sebaik-baiknya; kerana menganggap ia juga tugas suami. Akibatnya rumahtangga terabai.

Hal seperti yang tersebut di atas dijadikan antara alasan untuk menyokong pendapat ulama yang mengatakan, bahawa wanita tidak boleh bekerja di luar rumah.

c. Wanita Tidak Boleh Bekerja Di Luar Rumah

Di antara penulis yang mengatakan wanita tidak diharuskan bekerja di luar rumah ialah al-Ustaz Abdullah ibn Ibrahim Jar Allah. Beliau menjelaskan, wanita tidak disyariatkan bekerja. Beliau mengemukakan pendapat tersebut, berdasarkan realiti yang ada pada wanita sendiri dan hukum atau ketetapan yang telah ditentukan oleh Islam mengenai wanita.

Antara realiti tersebut ialah, wanita setiap bulan didatangi haid. Jadi, dia perlu berehat. Wanita juga kadangkala mengandung dan biasanya mengalami banyak kesulitan. Setelah bersalin pula, dia dikehendaki menyusukan anaknya dengan susuan jasmani. Dia juga dikehendaki memelihara anaknya.¹⁶

Mengenai susuan jasmani atau susu ibu, Islam mengesyorkan kaum ibu menyusukan sendiri anaknya dengan susu badan atau susu ibu, ketika Islam menjelaskan tempoh menyusu yang sebaik-baiknya, iaitu dalam surah al-Baqarah (2):23 yang bermaksud;

"... Ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, bagi yang hendak menyempurnakan penyusuan itu".

¹⁶Ibrahim Jar Allah, Abd. Allah, *Kewajipan Wanita Islam*, terj. Drs. Azmi Hj. Idris, Pustaka Aman Press, 1990, h. 89.

Al-Za'balawi ada menyebut penemuan ilmu sains mengenai susu ibu. Mengikuti penemuan tersebut, susu ibu adalah satu-satunya susu yang kaya dengan bahan-bahan keperluan asas, untuk air dan makanan serta subur dengan protein, kanji, lemak, vitamin, garam dan zat galian.

Susu ibu mengandungi zat-zat yang tersebut di atas, dengan kadar yang seimbang dan paling sesuai dengan keperluan kanak-kanak, dalam peringkat-peringkat kesuburannya. Protein umpamanya merupakan kandungan asasi susu ibu yang diperlukan untuk sel-sel.

Mengikuti para saintis, kadar protein yang didapati daripada susu ibu jauh lebih banyak, berbanding dengan kadar protein yang didapati dalam susu binatang atau susu tiruan. Mereka juga mendapati susu ibu mengandungi lapan belas jenis protein. Kanak-kanak memerlukan empat gram protein bagi setiap satu kilo berat badannya daripada susu tiruan, tetapi ia cuma memerlukan satu setengah gram protein sahaja daripada susu ibu.¹⁷

Untuk menyatakan bahawa wanita tidak sepatutnya bekerja dengan alasan mereka sepatutnya menyusui sendiri anak mereka, penulis berpendapat alasan tersebut tidak konkrit. Ini adalah kerana bukan semua wanita mempunyai susu badan. Jadi wanita yang tidak mempunyai susu badan, tidak dapat menyusui sendiri anak mereka walaupun tidak bekerja. Bagi wanita yang mempunyai susu badan pula, mereka boleh menyusukan anak mereka sewaktu tidak bekerja, atau sewaktu rehat, jika rumah mereka berhampiran dengan tempat bekerja atau jika anak mereka ditinggalkan di taman didikan yang berhampiran dengan tempat kerja. Pendek kata jika hendak seribu daya.

Seterusnya Abdullah ibn Ibrahim Jar Allah ada menyebut beberapa hukum atau ketetapan mengenai wanita yang membuktikan, Islam tidak mensyariatkan wanita bekerja. Antara hukum-hukum tersebut ialah:

¹⁷Al-Za'balawi, Muhammad al-Sayyed Muhammad, *al-Umumah fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah*, Muassasah al-Risalah, 1984 h. 165

- a. Wanita adalah aurat.
- b. Wanita diwajibkan berhijab atau menutup aurat (iaitu seluruh badannya kecuali muka dan dua tapak tangan).
- c. Wanita juga diharam mendedahkan muka jika pendedahan tersebut menimbulkan fitnah.
- d. Wanita diharamkan bergaul secara bebas dengan lelaki asing (lelaki yang diharuskan berkahwin dengannya).
- e. Wanita diharam menonjolkan perhiasan dan dirinya kepada lelaki asing.
- f. Wanita adalah fitnah atau ujian yang boleh menyebabkan lelaki tergoda.¹⁸

Penulis berpendapat perkara-perkara tersebut boleh dijadikan syarat yang patut dipatuhi oleh wanita bekerja sebagaimana yang disebutkan oleh pendapat yang mengharuskan wanita bekerja.

Muhammad al-Sayyed Muhammad al-Za'balawi juga mempunyai pendapat yang hampir sama dengan pendapat di atas. Beliau menjelaskan, Islam tidak menuntut wanita bekerja, sama seperti lelaki untuk mencari nafkah, sama ada untuk sara hidup dirinya atau untuk menampung perbelanjaan anak-anaknya.

Wanita, sebagai seorang anak perempuan, seorang saudara perempuan, seorang isteri atau seorang ibu tidak diwajibkan bekerja untuk menanggung dirinya atau menanggung orang lain. Malah sara hidup mereka wajib ditanggung oleh bapa, saudara lelaki atau suami mereka sekadar kemampuan mereka itu.

¹⁸Ibrahim Jar Allah, Abd Allah, *op.cit.*, h. 98.

Pandangan Islam Terhadap Wanita Bekerja

Nas-nas al-Qur'an dan hadis tidak menuntut wanita bekerja, malah wanita diletakkan di bawah tanggungan lelaki. Namun demikian, ia tidak melarang wanita daripada bekerja. Oleh itu ramai wanita Islam yang merasakan mereka boleh keluar bekerja selama mereka tidak melanggar batas-batas yang telah ditentukan oleh Islam. Mereka merasakan dengan bekerja mereka dapat meringankan bebanan bapa atau suami yang menanggung nafkah mereka, terutama dalam kehidupan pada zaman sains dan teknologi yang serba mahal ini. Tambahan pula mereka keluar bekerja bukanlah kerana merasa terbelenggu atau terhina berada di bawah naungan lelaki; atau mahu bebas daripada cengkaman suami. Jadi alasan seperti di atas untuk melarang wanita bekerja boleh dianggap sebagai kurang tepat.

Walau bagaimanapun perlindungan atau jaminan lelaki terhadap hal-ehwal wanita, bukanlah merupakan suatu penghinaan kepada wanita, merendahkan imej wanita atau menyebabkan wanita merasa tidak tenteram; kerana ia merupakan suatu jaminan yang telah dikurniakan oleh Allah sebagai suatu hak kepada wanita. Allah memberikan kepada lelaki persediaan untuk melaksanakan tugas tersebut. Tambahan pula, ia merupakan jaminan yang disertai dengan rasa kasih sayang atau cinta serta rasa tanggungjawab dan kekerabatan yang dilakukan sebagai suatu amalan untuk menghampirkan diri (taqarrub) kepada Allah.¹⁹

Perkara tersebut difahami daripada sabda Rasulullah s.a.w, yang bermaksud:²⁰

"Satu dinar perak (dibelanjakan) pada jalan Allah, satu dinar anda belanjakan untuk hamba, satu dinar anda belanjakan untuk orang miskin dan satu dinar lagi anda belanjakan untuk keluarga anda. Perbelanjaan yang paling

¹⁹Al-Za'balawi, *op.cit.*, h. 165-166.

²⁰Al-Imam al-Muslim, al-Hafiz Muslim ibn al-Hajaj al-Qusyairi al-Naisaburi, al-Imam al-Nawawi (ed), *Sahih Muslim*, Dar al-Sya'b, t.t., 3:23.

banyak pahalanya ialah yang anda belanjakan untuk keluarga anda”.

Al-Za'balawi ada menyebut suatu peristiwa yang menunjukkan imej wanita sama dengan lelaki walaupun mereka tidak dipertanggungjawabkan seperti tanggungjawab lelaki malah mereka dijadikan tanggungan lelaki. Peristiwa tersebut tercatat di dalam al-Qur'an. Ia berlaku dalam keluarga yang bernama 'Imran.

Pada suatu masa, ketika sedang mengandung, isteri 'Imran bernazar akan membebaskan anaknya yang akan lahir, untuk dijadikan khadam gereja (kanisah), supaya anak yang bakal lahir akan menjadi seorang yang jujur ('afif) dan ikhlas kepada Allah, mengurungkan diri dan menumpukan perhatian beribadat kepada Allah. Mengikut al-Qurtubi perkara seperti itu dibolehkan di dalam syariat mereka, ketika itu anak-anak mereka diwajibkan patuh.²¹

Manakala ibu tersebut melahirkan anaknya, dia didapati anaknya seorang perempuan. Maka dia bermunajat kepada Allah, dengan menyatakan, bahawa sesungguhnya dia telah bernazar akan membebaskan anaknya (untuk berkhidmat di gereja). Tetapi dia telah melahirkan seorang anak perempuan. Anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan. Allah menjelaskan peristiwa tersebut di dalam surah Ali 'Imran ayat 35 hingga 37:

²¹Al-Qurtubi, *op.cit.*, h. 165-166.

إِذْ قَالَتْ أَمْرًا تُعِزُّ عَيْنِي رَبِّ اِنَّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا
 فَتَقَبَّلْ مِنِّي اِنَّكَ اَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣٥﴾ فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ
 رَبِّ اِنَّي وَضَعْتُهَا اُنْثَىٰ وَاَللّٰهُ اَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ
 كَالْاُنْثَىٰ وَاِنَّي سَمَّيْتُهَا مَرْيَمَ وَاِنَّي اُعَيْدُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ
 الشَّيْطٰنِ الرَّجِيْمِ ﴿٣٦﴾ فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُوْلٍ حَسَنٍ وَاَنْبَتَهَا
 نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ
 وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَمْرُؤُا اِنَّي لَكَ هٰذَا قَالَ هُوَ مِنْ
 عِنْدِ اللّٰهِ

"(Ingatlah), ketika isteri Imran berkata, Tuhanku, sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata), maka terimalah nazarku... Maka apabila ia melahirkan anaknya, ia berkata, wahai Tuhanku, aku telah melahirkan seorang anak perempuan - dan Allah memang telah mengetahui apa yang dilahirkan itu - dan memanglah tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan. Dan bahawasanya aku telah menamakannya Maryam dan aku perlindungi dia dengan peliharaan-Mu, demikianlah juga zuriat keturunannya, dari golongan syaitan yang direjam (yang dikutuk dan disingkirkan). Maka dia (Maryam yang telah dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkan dengan didikan yang baik, serta diserahkan untuk dipelihara oleh nabi Zakaria. Tiap-tiap kali nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, ia dapati rezeki (buah-buahan yang luar biasa) disisinya. Nabi Zakaria bertanya, wahai

*Maryam, dari mana engkau dapati (buah-buahan) ini?
Maryam menjawab, dari Allah”.*

Mengikut al-Qurtubi, isteri ‘Imran berkata demikian kerana anak perempuan tidak sesuai untuk berkhidmat kepada gereja, mungkin kerana ia didatangi haid atau dia tidak sesuai untuk bergaul bebas dengan kaum lelaki.²²

Penulis berpendapat, mungkin isteri ‘Imran mengharapkan atau menganggap anaknya yang akan lahir itu lelaki. Sebab itulah dia bernazar demikian. Pendapat tersebut berdasarkan alasan, anak lelaki lebih sesuai berkhidmat kepada rumah ibadat, berbanding dengan dengan anak perempuan; kerana anak perempuan akan dihalang oleh kedatangan haid, yang menjadikannya tidak suci dalam masa-masa yang tertentu. Di samping itu dia juga tidak bebas bergaul dengan para lelaki yang datang untuk beribadat, sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qurtubi.

Tetapi masalah kedatangan haid yang menghalang wanita dari beribadat dan larangan bergaul bebas dengan lelaki tidak mengurangkan imej atau darjatnya sebagai hamba Allah atau sebagai insan, jika wanita tersebut meninggalkan ibadat dan tidak bergaul bebas dengan lelaki, semata-mata kerana Allah dan kerana keredaannya dengan takdir Allah, yang telah menjadikannya seorang wanita. Penerimaan Allah yang baik terhadap Maryam, anak perempuan ‘Imran yang dinazarkan oleh ibunya itu dengan memberi rezeki yang melimpah ruah juga membuktikan perkara tersebut.

Mengikut al-Syeikh al-Imam Muhammad ‘Abduh, kata-kata isteri ‘Imran tersebut bukanlah bertujuan untuk memberitahu, malah ia bertujuan untuk melahirkan rasa tidak puas hati dan dukacita serta minta ampun. Ini adalah kerana anak perempuan tidak sesuai untuk dijadikan seorang yang bebas seperti yang dinazarkan terutama ketika ia didatangi haid.

²²*Ibid.*

Jadi, firman Allah itu tadi, yang maksudnya;

“Allah lebih mengetahui mengenai anak yang dilahirkannya”.

bermaksud Allah lebih mengetahui taraf anak perempuan yang dilahirkannya. Anak perempuan tersebut lebih baik daripada kebanyakan anak lelaki. Firman tersebut menolak sangkaan kurangnya imej anak perempuan yang terlintas dalam fikiran ibunya sehingga dia mengatakan, anak lelaki (yang dia cita-citakan) tidak sama dengan anak perempuan (yang dia lahirkan) dari segi kebolehan dan kelayakan mereka.²³

Al-Za'balawi juga tidak bersetuju dengan seruan yang dilaung-laungkan oleh setengah pihak, yang mahu menjadikan pekerjaan wanita sebagai sesuatu yang diwajibkan bagi kemaslahatan bangsa dan masyarakat yang antara lain menegaskan:

- a. Kemuliaan bangsa tidak akan tercapai jika separuh daripada anggotanya menganggur (maksud separuh daripada anggota yang menganggur itu ialah wanita).
- b. Wanita seharusnya mengambil berat terhadap bidang kerjaya atau pekerjaannya, supaya dia dapat membebaskan diri daripada cengkaman suami.
- c. Wanita seharusnya bekerja untuk meningkatkan prestasi dirinya sendiri.

Beliau cuba membuktikan dakwaan tersebut tidak benar. Beliau berpendapat seseorang ibu yang berada di rumahnya, melaksanakan tugas-tugas keibuan dalam bidang latihan jasmani dan didikan kejiwaan anak-

²³Rida, Rasyid, *Tafsir al-Manar li al-Imam Muhammad Abduh*, Jld. 3, al-Hay'ah al-Misyriyyah al-Alamiyyah li al-Kitab, t.t., h. 238.

anak, tidak seharusnya dianggap sebagai menganggur atau menjadi beban ke atas suaminya.

Beliau juga berpendapat, ibu dianggap memberi sumbangan bakti yang terlalu tinggi nilainya kepada keluarga dan negara. Mereka menyumbangkan kepada masyarakat anak-anak lelaki dan perempuan yang soleh. Anak-anak perempuan itu dibekalkan dengan kemampuan untuk melaksanakan tugas keibuan di rumah suaminya, sama ada mereka tinggal di rumah bapanya atau di rumah saudara lelakinya, mereka juga tidak dianggap menganggur kerana pada masa itu mereka masih dalam proses persediaan utusan yang akan digunakan untuk bersandar kepadanya kemudian nanti.

Pada pendapat penulis jika sumbangan wanita (sebagai ibu) dalam mendidik anak-anaknya dihargai dan dinilai tinggi, wanita sebagai anak-anak dan saudara-saudara perempuan dimulia dan dilindungi sepenuhnya untuk dididik agar menjadi suri rumah yang bertanggung jawab, mungkin perkara tersebut boleh membendung wanita daripada keluar bekerja. Tetapi realiti hari ini menampakkan perkara tersebut seolah-olah sebaliknya. Hal tersebut menyebabkan ramai wanita hari ini merasakan mereka perlu bekerja dan terpaksa menanggung diri sendiri atau setidak-tidaknya mereka perlu sama-sama menyumbang pendapatan untuk pembangunan keluarga.

Dalam masyarakat yang menuju ke arah pembangunan industri yang pesat seperti Malaysia, ramai wanita, termasuk anak-anak gadis yang belum berkahwin telah sanggup bekerja dan berdikari. Soal sama ada mereka faham kedudukan dan tanggung jawab mereka sebagai pekerja wanita Islam banyak bergantung kepada kesedaran beragama di kalangan anggota keluarga asal mereka; juga didikan agama yang mereka perolehi.

d. Faktor-faktor Pendorong Wanita Bekerja

Al-Za'balawi juga menjelaskan, kewanitaan wanita merupakan salah satu sebab yang menyebabkan lelaki mahu bekerja di samping wanita. Oleh itu beliau berpendapat, sebab-sebab yang disebut oleh para pekerja - sama

ada lelaki atau wanita - mengenai pekerjaan, adalah bertujuan untuk menyembunyikan motif sebenar, di sebalik pemilihan tersebut. Wujudnya wanita di samping lelaki, boleh memenuhi keinginan jiwanya. Wanita juga dapat menikmati kepuasan yang sama.

Keinginan yang mahu dipenuhi oleh kedua-dua jantina ini, dengan bekerja bersama dan bergaul mesra inilah yang dilarang oleh Allah, mengikut al-Za'balawi. Allah melarang lelaki dan wanita asing mengulangi pandangan dan biasanya menjadi muqaddimah kepada perbuatan seperti di atas.²⁴

Penulis berpendapat keinginan yang mahu dipenuhi oleh kedua-dua jantina dengan bekerja bersama - seperti yang disebut oleh al-Za'balawi - mungkin timbul; mengulangi pandangan demi pandangan juga mungkin berlaku. Tetapi perkara seperti itu dapat dielakkan, jika kedua-dua jantina itu sedar bahawa perkara seperti itu bercanggah dengan kehendak agama.

Selain daripada itu, faktor yang mendorong wanita bekerja ialah untuk mendapatkan keyakinan diri, mendapatkan kebebasan daripada kongkongan suami, meningkatkan taraf ekonomi dan membuat persediaan; kerana bimbang berlakunya peristiwa-peristiwa yang tidak diinginkan dan tidak diduga.²⁵

Mengikut al-Za'balawi untuk mendapatkan keyakinan diri, wanita tidak perlu bekerja di luar rumah; kerana bekerja di luar rumah tidak sesuai dengan sifat kewanitaannya, malah menyusahkannya. Wanita telah dilantik oleh Allah sebagai pengurus rumahtangga. Perkara tersebut difahami daripada hadis Rasulullah s.a.w²⁶ yang bermaksud;

²⁴ Al-Za'balawi, *op.cit.*, h. 173.

²⁵ *Ibid.*, h. 177.

²⁶ Al-Qazuwaini, al-Hafiz Abu Abd Allah bin Yazid, *Sunan Ibn Majah*, Jld. 2, Dar Ihya al-Turath al-Arabi, t.t., h. 1854-1858.

“Seorang wanita (isteri) merupakan pemelihara harta suaminya. Dia bertanggungjawab terhadap harta jagaannya”.

Oleh itu tidak ada sebab mengapa wanita tidak mempunyai keyakinan diri.

Manakala untuk meningkatkan taraf ekonomi, dengan cara wanita atau ibu bekerja di luar rumah, al-Za’balawi berpendapat, cara tersebut membebankan ibu kerana kalau suami dan anak-anak menolong pun, mereka biasanya menolong kerja-kerja yang sedikit sahaja, tambahan pula kerja-kerja domestik tidak sesuai dengan jiwa lelaki.²⁷

Jadi, dalam usaha untuk menambahkan ekonomi, wanita seharusnya mengambil kira kemampuannya sendiri berdasarkan tugas-tugas yang sedia ada dan realiti kehidupannya serta hukum-hukum atau ketetapan-ketetapan mengenainya. Beliau ada memetik pendapat al-Syeikh Mutwalli al-Sya’rawi mengenai perkara tersebut.

“Manusia hendaklah melihat kepada pekerjaannya dan mengetahui kadar pendapatan yang mampu dihasilkannya, kemudian dia seharusnya berusaha mengikut kemahuannya. Selepas itu dia hendaklah menghadkan tahap kehidupannya berdasarkan pendapatan tersebut. Adapun jika dia menghadkan tahap yang dia mahu hidup, sedangkan pendapatannya tidak mampu menampung tahap tersebut, ketika itu dia telah menghalakan pandangannya bagi melakukan perkara-perkara lain, maka dia telah menyeleweng. Dari sini kita berpendapat, tahap kehidupan tidak dapat dihadkan kecuali setelah diketahui kemampuan yang ada pada anda untuk bekerja. Dengan itu anda akan mengetahui kadar pendapatan anda. Jika seorang

²⁷Al-Za’balawi, *op.cit.*, h. 177-178.

*perempuan mahu meningkatkan taraf hidupnya, dia tidak seharusnya keluar daripada bidang pekerjaannya sebagai isteri dan sebagai ibu yang mengasuh anak-anaknya. Dia boleh bekerja dalam landasan tersebut."*²⁸

Pada pendapat penulis, pandangan seperti di atas lebih berkesan jika diajukan kepada masyarakat yang belum terbuka; di mana kaum wanita mereka masih terikat dengan sistem ekonomi tradisional.

Dalam situasi masyarakat yang telah terbuka seperti Malaysia; di mana kegiatan wanita telah meresap ke segenap sendi tulang dan darah daging pekerjaan, untuk mengajak wanita meletak jawatan dan kembali semula ke rumah adalah suatu seruan yang dianggap tidak praktikal; kerana tenaga mereka sudah dianggap sebagai sebahagian tenaga buruh dan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara telah diiktiraf. Pernah terdengar suara-suara yang menyeru ke arah tersebut, tetapi malangnya ia dianggap sebagai suara sumbang yang bertujuan untuk merendahkan taraf wanita.

e. Implikasi Pekerjaan Wanita Kepada Keluarga

Al-Za'balawi juga ada menyebut kesan wanita bekerja kepada komunikasi keluarga. Antara kesan tersebut ialah ia boleh membawa kepada keruntuhan rumahtangga kerana ada pekerja lelaki terpedaya dengan rakan sekerja wanita sehingga akhirnya ia tidak lagi menghiraukan isteri dan anak-anak malah ada yang menumpukan perhatian untuk menghias diri bagi menarik perhatian pekerja-pekerja wanita di tempat kerja. Pekerja wanita juga ada yang tergoda dengan pekerja lelaki sehingga mengabaikan suami dan anak-anaknya.

²⁸Al-Syeikh al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli, *al-Qada wa al-Qadar*, Dar al-Syuruq, 1975, h. 148; al-Za'balawi, *op.cit.*, h. 179.

Beliau berkata demikian berdasarkan aduan-aduan yang dibuat oleh isteri-isteri dan suami-suami yang pasangan masing-masing bekerja di tempat-tempat kerja yang pekerjaanya terdiri daripada lelaki dan wanita.²⁹

Penulis berpendapat walaupun kes-kes seperti itu benar-benar berlaku, tetapi ia masih dapat dielakkan jika pekerja-pekerja lelaki dan wanita memahami batas-batas agama serta matlamat pekerjaan iaitu untuk mencari nafkah. Dengan itu mereka akan mengelakkan diri daripada berbagai jenis pergaulan yang boleh membawa kepada berlakunya sesuatu yang tidak diinginkan atau yang bercanggah dengan kehendak Islam.

Di samping itu al-Za'balawi juga ada menyebut implikasi pekerjaan isteri terhadap suami dengan menjelaskan perasaan kasih sayang antara suami isteri tidak akan berkekalan dengan keluarnya isteri atau ibu untuk bekerja. Alasan kepada pendapat beliau ialah isteri dijadikan oleh Allah sebagai tempat untuk suami mencari ketenangan dengan sifat-sifat dan persediaan yang ada padanya. Jadi jika isteri dibebankan dengan tugas-tugas lain di tempat kerja, yang tidak sesuai dengan kelembutan perasaan serta kelemahan tubuh badannya, maka dia tidak akan bermaya lagi untuk melayani suaminya setelah pulang dari tempat kerja.³⁰

Al-Za'balawi ada memetik kata-kata al-Bahi al-Khawli mengenai perkara tersebut:³¹

“Wanita (isteri) adalah tempat untuk mencari ketenangan kepada lelaki (suami). Apakah suami boleh mendapat ketenangan, jika dia datang (pulang ke rumah), tidak menemui isterinya; kerana isterinya bekerja, atau dia menemui isterinya, tetapi dia (isterinya) berada di dalam

²⁹Al-Za'balawi, *op.cit.*, h. 174.

³⁰*Ibid*, h. 181-185.

³¹Al-Khawli, al-Bahi (al-Ustaz), *al-Islam wa Qadaya al-Mar'ah al-Muasarah*, h. 247; Al-Za'balawi, *op.cit.*, h. 183.

keadaan teruk, penat fikiran, jiwa dan tubuh badan? Apakah suami mendapat ketenangan disisi seorang isteri yang telah kering perasaannya kerana jemu dengan kerja-kerja rutin dan bebanan tugas pekerjaan dan tanggungjawabnya? Apabila keadaan tersebut berlaku, hilanglah ketenangan semua sekali. Isteri juga seolah-olah kehilangan suami. Jadi keluarnya isteri untuk bekerja, menjadikan keperluannya kepada rumahtangganya sendiri sama dengan keperluan seorang lelaki, bagi melepaskan penat seharian, untuk kembali cergas supaya dapat bekerja pada pagi keesokan harinya.

Di samping itu suami biasanya tidak akan merasa senang hati, apabila melihat isterinya atau ibu kepada anak-anaknya mengambil berat terhadap pekerjaan luar rumah lebih daripada mengambil berat terhadapnya dan anak-anaknya.

Selain daripada itu beliau juga ada menyebut kesan pekerjaan ibu terhadap anaknya, di mana ibu sememangnya mempengaruhi kehidupan anaknya. Anak biasanya meniru ibunya dalam tabiat dan tingkah lakunya; kerana ibu adalah punca kebahagiaan, perasaan aman dan rehat anak-anak. Ibu juga punca makanan jasmani dan rohani anak-anak.³²

Biasanya ketika ibu keluar untuk bekerja dan anak-anak ditinggalkan kepada kaum kerabat atau pengasuhnya, anak-anak merasa takut atau tidak aman. Oleh itu, anak-anak yang menyusu biasanya akan menyusu dalam keadaan gelojoh, sebaik sahaja mereka menemui ibu mereka yang baharu balik dari kerja. Tetapi sayangnya ibunya yang berada dalam keadaan kepenatan kerana bekerja sepanjang hari, biasanya tidak mampu melayannya dengan penuh kemesraan dan kasih sayang. Hal tersebut meninggalkan kesan dalam hubungannya dengan anak-anak.

³²Al-Za'balawi, *op.cit.*, h. 181-185.

Al-Za'balawi seterusnya menjelaskan, walaupun seorang pembantu rumah atau pengganti ibu mempunyai tabiat tenang, tingkah laku yang baik serta tinggi dalam pendidikan dan boleh menjadi ikutan yang sesuai untuk kanak-kanak, tetapi dia tidak dapat memenuhi kekosongan yang ditinggalkan oleh ibu dalam kehidupan kanak-kanak.

Hal tersebut adalah kerana pembantu biasanya tidak mempunyai perasaan kasih sayang dan belas kasihan semula jadi seperti yang ada pada ibu terhadap anaknya. Mengikut beliau, hasil kajian yang dibuat mengenai perkara tersebut, didapati anak-anak yang berada dalam asuhan ibu mereka, kesuburan tubuh badan, akal dan jiwa mereka adalah tabii, berbeza dengan anak-anak yang diasingkan dari asuhan ibu-ibu mereka sendiri; di mana kesuburan mereka di dalam ketiga-tiga perkara tersebut makin berkurangan. Kadar kekurangan kesuburan ini bertambah dengan bertambahnya masa ketiadaan ibu.³³

f. Wanita Boleh Bekerja Ketika Darurat

Walau bagaimanapun, al-Za'balawi ada menjelaskan Islam tidak melarang wanita bekerja ketika darurat,³⁴ umpamanya ketika suami sakit atau hilang upaya untuk bekerja. Begitu juga setelah suami meninggal dunia dan dia tidak meninggalkan harta yang memadai untuk anggota keluarga sehingga mereka dapat berdikari atau sehingga ada yang dapat berdikari untuk menggantikan orang yang dapat menampung perbelanjaan keluarga.

Dalam keadaan seperti itu, wanita boleh bekerja dengan syarat mereka hendaklah mematuhi batasan-batasan yang telah ditentukan oleh Islam. Dia seharusnya mengelakkan dirinya daripada bercampur gaul dengan lelaki asing.³⁵

³³ *Ibid.*

³⁴ Al-Za'balawi, *op.cit.*, h. 173.

³⁵ Darurat ialah keadaan yang mencemaskan atau menyusahkan, biasanya yang berlaku dengan tiba-tiba atau tidak disangka-sangka seperti kekurangan makanan dan lain-lain.

Al-Za'balawi menyebut contoh pergaulan yang baik yang dilakukan oleh dua orang anak perempuan nabi Syuaib ketika mereka memelihara kambing-kambing kepunyaan bapa mereka yang telah tua. Waktu mereka mahu mendapatkan air untuk memberi minum kambing-kambing tersebut, mereka dapati ramai orang lelaki sedang berhempas pulas untuk mengambil air. Mereka tidak terus masuk ke dalam kumpulan lelaki tersebut. Sebaliknya mereka menunggu sehingga orang-orang lelaki tersebut berlalu dari situ. Ketika itulah mereka bertemu dengan nabi Musa yang kemudiannya menolong memberi minum kambing-kambing itu. Mereka juga ada menyebut tentang sebab mengapa mereka keluar untuk bekerja; iaitu bapa mereka adalah seorang yang telah tua umurnya.

Kisah tersebut terkandung di dalam surah al-Qasas (28):23-24 :

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ النَّاسِ يَسْقُونَ
وَوَجَدَ مِنْ دُونِهِمُ امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا
لَا نَسْقِي حَتَّى يُصْدِرَ الرِّعَاءُ وَأَبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ ﴿٢٣﴾ فَسَقَى
لَهُمَا

“Dan ketika dia (Musa) sampai di perigi air, di negeri Madyan, ia dapati sekumpulan orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternakan masing-masing), di sebelah mereka ada dua orang wanita yang sedang menaham kambing-kambing. Dia bertanya, apa hal kamu berdua? Mereka berdua menjawab kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternakan masing-masing dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya. Maka Musa

pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka berdua”.

Dr. Mohammad Ali al-Barr juga mempunyai pendapat yang sama dengan pendapat al-Za'balawi. Ketika bercakap mengenai pekerjaan wanita,³⁶ beliau membuat kesimpulan, Islam meletakkan tugas wanita yang tabii dan semula jadi itu di tempat pertama, di mana Islam meletakkan pangkat (makanah) keibuan di tempat yang paling tinggi, yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pangkat.

Beliau menjelaskan, Islam juga telah menyediakan untuk wanita persediaan-persediaan supaya mereka dapat menumpukan perhatian mereka kepada tugas yang penting itu; di mana Islam memberikan kepada wanita hak-hak yang membolehkan mereka melaksanakan tugas tersebut dengan sebaik-baik cara dan sesempurna mungkin.

Beliau juga berpendapat, Islam cuma membenarkan wanita keluar dari rumahnya ketika darurat yang memerlukan ia keluar; begitu juga untuk menuntut ilmu, beribadat dan membantu pejuang-pejuang atau orang yang berjihad ke jalan Allah. Walau bagaimanapun dia haruslah menjaga batas-batas dan adab-adab yang telah ditentukan oleh Islam.³⁷

Beliau selanjutnya menjelaskan, Islam melarang wanita keluar untuk bercampur gaul dengan kaum lelaki, berpenuh sesak di dalam kenderaan dan di jalan-jalan; kerana perkara seperti itu boleh membawa kepada tersebarnya perbuatan-perbuatan keji. Allah s.w.t. memberi amaran keras kepada orang yang mahu menyebarkan perkara-perkara keji di kalangan orang yang beriman. Amaran tersebut tercatat di dalam surah al-Nur (24):19 :

³⁶Al-Barr, Muhammad Ali (Dr), *Amal al-Mar'ah fi al-Mizan*, Dar al-Sa'udiyah li al-Nasyr wa al-Tauzi', 1984, h. 222-223.

³⁷Al-Barr, Muhammad Ali, (Dr), *op.cit.*, h. 223.

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

"Sesungguhnya orang yang suka tersebarnya perbuatan-perbuatan keji dalam kalangan orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang pedih di dunia dan di akhirat".

Penutup

Penulis berpendapat bahawa pendapat yang mengatakan wanita tidak boleh bekerja melainkan ketika darurat atau terdesak sahaja bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan kehendak Islam yang merupakan kehendak semula jadi manusia. Golongan tersebut memberi berbagai hujah untuk menguatkan pendapat mereka.

Di antara ulama' yang berpendapat demikian ialah al-Za'balawi. Pendapat-pendapat yang diberikannya seolah-olah mahu memujuk wanita yang bekerja kembali ke pangkuan keluarga, untuk menumpukan perhatian kepada tugas-tugas asasi yang diamanahkan oleh Allah iaitu mengurus rumahtangga, melayani suami dan mendidik anak-anak lelaki dan perempuan sesuai dengan peranan yang akan dimainkan oleh mereka masing-masing setelah dewasa; iaitu sebagai suami dan bapa atau sebagai isteri dan ibu.

Pendapat tersebut sekurang-kurangnya dapat memberi peringatan kepada pekerja wanita untuk tidak mengabaikan mana-mana tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Ia dapat menarik perhatian wanita muslimah untuk berfikir sama ada pekerjaan yang telah dan akan diceburi sesuai dengan kemampuan dan kebolehan mereka, dengan mengambil kira tugas yang sedia ada. Dengan kata lain pekerjaan tersebut tidak bercanggah dengan kehendak agama dan tidak memerah tenaga dan masa mereka; yang juga sepatutnya disumbangkan untuk ibadat kepada Allah serta berkhidmat

kepada suami dan anak-anak. Inilah juga apa yang dimaksudkan oleh pendapat yang mengatakan wanita dibolehkan bekerja kerana mereka juga ada menyebut syarat-syarat yang wajib dipatuhi oleh wanita bekerja.